

07 MAR 2004

Pilihan Raya-Muda

PENGUNDI MUDA YAKIN PENUH DENGAN KEUPAYAAN BN

ALOR STAR, 7 Mac (Bernama) -- Rata-rata pengundi daripada golongan muda di negeri ini, terutama yang baru pertama kali mendaftar sebagai pemilih mempunyai keyakinan penuh terhadap keupayaan Barisan Nasional (BN) terus memacu kecemerlangan untuk negara.

Sehubungan itu, kebanyakan daripada mereka yang ditemui berikrar akan memberi sokongan padu kepada calon-calon BN pada pilihan raya umum 21 Mac ini.

Norhayati Hashim, 27, seorang aktivis pertubuhan belia dari Telok Chengai, Kuala Kedah berkata, beliau tidak mahu mempersia-siakan peluangnya bagi memilih wakil rakyat yang mampu menjaga kepentingan rakyat dan membawa pembangunan.

"Undi itu rahsia, saya tidak akan cakap calon mana yang akan diundi tetapi kecenderungan saya ialah untuk memilih kerajaan yang bertanggungjawab," katanya pada satu tinjauan Bernama.

Norhayati yang kini aktif dalam kegiatan belia berpandangan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekarang ini cukup mantap untuk menarik semua golongan menyokongnya termasuk generasi muda.

Zohaizam Mat Zuki, 30, seorang pekerja kampung dari Kuala Sungai di sini pula berkata beliau akan terus menyokong BN walaupun pucuk pimpinannya telah berubah.

"Saya memang menyanjungi kepimpinan negara di bawah Tun Dr Mahathir Mohamad, tetapi walaupun beliau tidak lagi memegang teraju itu penggantinya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tetap memainkan peranan yang sama," katanya.

Sementara itu, seorang pengundi muda yang tinggal dan bekerja sebagai kerani di bandaraya ini, Shalawati Ismail, 26, berkata beliau melihat Perdana Menteri sekarang memiliki karisma tersendiri serta boleh menerima

pelbagai pendapat termasuk daripada golongan muda.

Beliau mendaftar sebagai pengundi tahun lepas dan akan mengundi di pusat pengundian di Jalan Stesyen di sini.

Ezrina Elias, 25, pekerja sendiri yang mendaftar sebagai pengundi pada tahun 2000 berkata Abdullah adalah seorang pemimpin berjiwa rakyat yang mempunyai gaya kepimpinan yang disukai ramai.

Sementara itu tinjauan pendapat di kalangan pengundi muda di PULAU

PINANG pula menunjukkan golongan itu mahu kerajaan memenuhi aspirasi generasi muda dengan memberi peluang kepada mereka sama-sama menyumbang tenaga, kepakaran dan buah fikiran bagi pembangunan negara.

Pemandu teksi, Wady Yahaya, 25, berkata beliau berharap kerajaan mengambil pendekatan untuk mendedahkan golongan muda kepada perkembangan politik negara dan merapatkan jurang antara golongan muda dan tua.

Wady yang akan mengundi di kawasan Pulau Betong berharap calon yang akan mewakili kawasan itu terdiri daripada seorang pemimpin yang mesra rakyat, mudah didekati dan bekerja untuk rakyat dan bukan diri sendiri.

S. Siva, 24, seorang eksekutif pemasaran berasa gembira untuk mengundi buat kali pertama dan berharap pengundi baru yang lain menyedari hak mereka sebagai pengundi.

"Kita perlu menunaikan tanggungjawab untuk memilih sebuah kerajaan yang peka terhadap permasalahan dan kehendak rakyat," katanya.

Siva memuji Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dianjurkan kerajaan dalam usaha melahirkan golongan belia yang cintakan negara.

G.Raja Kumari, 28, jurujual di sebuah pasaraya di sini berkata, beliau sanggup memilih calon berlainan keturunan asalkan mereka mengutamakan kebajikan rakyat dan cepat bertindak terhadap sebarang aduan atau masalah masyarakat.

Pelajar sebuah kolej swasta di sini, Loh Ai Ling, 22, dan rakannya, Vivian Teoh, 23, menyifatkan diri mereka kini telah dewasa apabila layak mengundi dan tidak sabar untuk mengundi.

Loh dan Vivian berkata mereka mahu supaya kerajaan yang memerintah dikekalkan.

Sharifah Abdullah, 25, seorang kerani di sebuah jabatan kerajaan

di
sini berkata, beliau mahu memilih kerajaan yang boleh menjamin masa
depan
rakyat dan memastikan kesinambungan kemajuan generasi akan datang.

-- BERNAMA

MNH NHA ZU ZS AM